

Matematik dan Saya

Ahmad Khairul Safuan b. Bohanudin
*Maktab Rendah Sains Mara Balik Pulau,
Pulau Pinang*

Tanggal 29 Februari 1998, angin bertiup kencang, hujan lebat turun membasahi bumi yang kering kentang dan ketagihkan air, burung-burung kecil terbang menyelamatkan diri masing-masing. Pada tarikh keramat inilah lahir seorang pedidik bangsa, pemimpin negara, dan seorang yang bakal membuat transformasi iaitu Ahmad Khairul Safuan bin Mat Daud. Kedengaranlah sebuah tangisan dihujung kampung yang disambut dengan penuh kegembiraan.

“Hei Siah, aku rasa anak kau ini mesti membanggakan kau ke atas kebijaksanaannya dalam bidang ilmu hisab. Yelah kau tengok tarikh dia lahir. Tarikh ini hanya datang empat tahun sekali,” bisik Mak Bidah kepada ibuku, Asiah. “Saya rasa tidaklah Mak Bidah. Itu hanya sekadar tarikh sahaja. Tarikh tidak menentukan apa apa pun. Tetapi sekiranya Allah telah menentukannya, saya bersyukur atas kurniaanya yang sungguh istimewa terhadap anak saya,” bisik ibuku sambil menahan sakit akibat baru lepas bersalin. Begitulah cerita serba sedikit mengenai kelahiranku yang mengatakan aku bakal menjadi seorang yang luar biasa dalam ilmu hisab.

Aku dibesarkan dengan ilmu hisab. Ketika berumur tiga tahun lagi aku diajar untuk mengira. Kata ibu, aku sudah pandai mengira nombor satu hingga sepuluh sejak berumur empat tahun lagi. Bangganya aku. Pada mulanya aku kurang percaya dengan kata ibuku tetapi memang kenyataan bahawa aku telah mula belajari ilmu hisab pada umur tersebut.

Aku mula bersekolah di Tadika Sri Ceria ketika berumur lima tahun. Tadika tersebut terletak berhampiran dengan kampungku dan tadika tersebut sebuah tadika yang sangat cantik kerana dipenuhi pokok-pokok yang menghiasi laman tadika tersebut. Tadika tersebut menempatkan pelajar yang berumur empat hingga enam tahun. Guru yang bertugas di tadika tersebut ialah Cikgu Mulia.

Kelas pertama yang Cikgu Mulia ajar ialah kelas matematik. Apa itu dengan matematik? Cikgu Mulia tidak menerangkan secara terperinci mengenai matematik. Dia hanya menerangkan bahawa matematik adalah ilmu mengira. Ilmu mengira? Bukankah ilmu mengira itu ilmu hisab? Aku tertanya-tanya. Apa kaitannya dengan matematik? Kawankah? Pening kepalaku memikirkan soalan itu. Aku segera bangun sambil mengangkat tangan untuk mengajukan pertanyaan kepada Cikgu Mulia. “Cikgu, boleh saya tanye? Bukankah mengira itu ilmu hisab? Apa hubungannya dengan Matematik? Kawan baikkah?” Soalku kepada Cikgu Mulia.

Kedengaran jelas gelak ketawa murid-murid yang lain. Apa yang melucukan? Bagi mereka aku seperti katak di bawah tempurung kerana tidak mengetahui tentang matematik. Melihat mukaku merah padam kerana malu, Cikgu Mulia segera menerangkan tentang matematik kepadaku.

“Khairul, ilmu hisab dan matematik sama sahaja. Cuma dulu istilah ilmu hisab yang digunakan tetapi sekarang istilah matematik yang digunakan,” terang Cikgu Mulia.

Malunya aku! Mengapa aku tidak pernah mengetahui tentang perkara tersebut. Orang tuaku tidak pernah menyebut istilah matematik. Aku yakin mereka juga tidak mengetahui tentang matematik. Jelas sekali sungguh kuno pemikiran mereka.

Aku malu. Mereka masih lagi ketawa terbahak-bahak. Tidak disangka kelopak mataku berair. Oh tidak! Aku menangis.

“Kawan-kawan tengok Keon sudah menangis. Budak manja! Balik rumah hisap susu lagi bagus,” Jerit Sivakumar.

Semua murid di Tadika Sri Ceria geli hati. Aku menangis sekuat-kuat hatiku. Peduli apa. Aku akan pastikan aku tidak akan datang lagi ke tadika itu lagi. Cukup sekadar apa yang terjadi sebelum ini.

Setelah aku meninggalkan alam tadika, aku beralih ke alam persekolahan rendah. Ketika aku berumur 12 tahun aku ditempatkan di kelas pertama tetapi seperti ada perkara yang pelik aku ditempatkan di kelas pertama.

“Oh, mak aku terjatuh semalam!”tersedar aku daripada dibuai mimpi.

“Encik Khairul, kenapa dengan awak? Awak jaga anak ke semalam?” jerit Cikgu Iza dengan suaranya yang lantangi seperti penyanyi opera.

Aku terkejut. Kawan-kawanku yang lain hanya terkebil-kebil memandanku yang baru dimarahi Cikgu Iza. Aku dengan selamba badak keluar ke tandas tanpa meminta izin daripada Cikgu Iza.

“Kurang ajar punya budak. Aku akan pastikan kau tak kan pernah dapat A dalam Matematik.” Jerit Cikgu Iza.

Aku sedikitpun tidak risau dengan kata-kata yang dikeluarkan oleh Cikgu Iza. Peduli apa aku. Aku berjanji tidak pernah suka matematik dan sesekali menyayangi Cikgu Iza.

Begitulah sikap aku ketika di sekolah rendah. Aku sudah berubah. Aku tidak lagi dipanggil “Hisab”. Aku tidak lagi manja seperti dahulu. Ketika dahulu aku berusaha untuk meminati dan mempelajari matematik. Tetapi sekarang tidak. Matematik dan aku sudah jauh jaraknya. Jaraknya seperti lapisan ketujuh bumi dengan lapisan ketujuh langit. Tidak ada lagi perasaan minatku terhadap matematik.

Lain pula dengan subjek yang lain. Sains, Bahasa Melayu, dan Bahasa Inggeris, akulah yang mendominasinya. Tidak pernah aku mendapat bawah 90%. Aku bangga dengan pencapaianku. Tetapi matematiklah yang telah menyebabkan keputusanku merudum jatuh. Matematik bagiku bagai sudah hancur ditelan bumi.

Berubah? Perkataan itu sudah berkali-kali muncul di mindaku. Tetapi aku tidak tahu bila benda itu akan direalisasikan. Cikgu Iza pula tidak banyak membantu diriku untuk berubah. Malah dia banyak melunturkan semangatku untuk berubah. Setiap kesalahan yang aku lakukan walau sebesar kuman sekalipun, aku akan dihantar kepada pihak atasan. Dia tidak pernah memberi peluang kepada aku untuk meminati subjek yang diajarnya.

Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) semakin hampir. Aku seperti biasa sentiasa bersedia dengan mengulangkaji pelajaran dari pukul 10 pagi hingga 2 petang. Satu jam pertama aku akan mengulangkaji subjek Bahasa Melayu bahagian pemahaman. Satu jam kemudiannya aku akan mengulangkaji subjek Bahasa Melayu bahagian penulisan dan satu jam ketiga aku akan mengulangkaji subjek Bahasa Inggeris. Satu jam terakhir aku akan mengulangkaji subjek yang agak diminati oleh aku iaitu Sains. Matematik? Biarkan sahaja. Tidak perlu difikirkan lagi. Hanya menyemakkan otakku sahaja.

UPSR telah bermula. Pada hari pertama aku telah pergi ke sekolah dengan perasaan yang senang hati kerana pada hari itu adalah peperiksaan subjek Bahasa Melayu. Bagiku ujian ini hanya petik jari sahaja. Sewaktu menjawab ujian tersebut, aku tertawa kecil melihat gelagat rakan-rakanku yang terkial-kial untuk mencari jawapan bagi soalan pemahaman dan idea yang menarik lagi bernas untuk mengarang karangan yang enak dibaca. Pada keesokannya, lain pula cerita yang terjadi. Pada hari tersebut merupakan subjek yang paling aku benci walaupun dahulu subjek itu begitu menarik padaku iaitu subjek matematik. Semalam aku mengetawakan orang tetapi pada hari tersebut aku pula yang diketawakan kerana aku kelihatan seperti orang gila yang tidak tentu arah bagai layang-layang putus talinya.

“Apa yang terjadi kepadaku? Soalan apa yang dikemukakan ini, aku tidak tahu apa yang dikehendakinya. Otakku kosong,” bisik hati kecilku.

Kertas Sains aku duduki pada hari terakhir UPSR. Aku dapat menjawabnya seperti menutup mata. Soalnya begitu mudah. Aku rasa soalan tersebut tidak mencabar kemampuanku sebagai seorang pelajar yang pintar. Apabila kertas Sains selesai dijawab, maka berakhirilah UPSR tahun 2000.

Setelah beberapa bulan berlalu, keputusan UPSR telah diumumkan. Aku dan kawan-kawanku berkumpul di dalam dewan. Suasana dewan ketika itu agak mendebarkan. Semua guru dan pelajar berdebar-debar menantikan keputusan yang bakal diumumkan oleh guru besar sekolah aku sendiri. Penantian kami semua telah terjawab apabila guru besar telah memberi keputusan kepada pelajar-pelajar yang dimulakan dengan pelajar yang mendapat 5A. Aku tertunggu-tunggu bila namaku akan dipanggil. Tetapi suasana ketika itu muram. Mereka semua seperti dapat mengagak sesuatu yang buruk akan berlaku. Guru besar memberikan keputusanku dengan muka yang masam mencuka. Aku dengan jantung yang berdebar-debar melihat keputusanku. Aku bagaikan tidak percaya dengan apa yang aku telah dapat. Aku telah mendapat 4A dan 1E. Aku telah gagal dalam subjek matematik yang pernah aku minati dahulu. Sebelum ini aku tidak pernah gagal walaupun aku sudah tidak lagi meminati matematik. Aku terkejut. Aku tergamam. Aku menuruni tangga perlahan-lahan. Mataku pejam. Tidak sanggup aku melihat rakan-rakanku. Aku malu. Rekod subjek matematik sekolahku telah pudar. Setelah 5 tahun subjek matematik sekolahku berjaya mendapat 100% A, akhirnya dirobohkan oleh aku. Aku malu.

Tiga tahun sudah berlalu. Aku jarang ke sekolahku walaupun peperiksaan Penilaian Menengah Rendah sudah dekat. Aku masih lagi tidak dapat menerima matematik. Aku tidak faham!

Aktiviti ponteng sekolahku tidak pernah dihidu oleh kedua orang tuaku. Aku licik. Sehingga suatu hari ketika aku seperti biasa pulang dari hutan setelah tamatnya waktu persekolahan.

“Ibu, Keon sudah balik,” kataku sambil membuka daun pintu pondokku.

“Kau pergi mana Keon?” Tanye Pak cik Daud yang memang terkenal dengan ketegasannya.

“Orang pergi sekolah ayah hoi,” jawab Keon bersahaja walaupun hatinya berdegup kencang.

“Betul ke?”

“Betul,”

“Habis kenapa Cikgu Azlan telefon aku dan cakap yang kau tak datang ke sekolah? Nak menipu aku? Kurang ajar punya anak. Kau memang anak derhaka! Nah! Ambil ni sebagai balasan,” cakap Pak Daud sambil melibas Keon dengan tali pinggang yang melilit pinggangnya. Aku jatuh dan tersungkur.

Sejurus kemudian ibuku datang. Dia terkejut dengan bunyi libasan tersebut.

“Kenapa dengan abang ni? Kesian dengan anak kita tu.”

“Budak macam ni kau nak jadikan anak? Anak kurang ajar. Jangan harap aku nak mengaku dia anak aku,”

“Apa abang merapu ni? Keon tu tetap anak kita walau macam mana pun. Dia tetap dari benih abang,”

“Siah tulah kau, manjakan sangat si Keon tu. Sekarang dia dah naik kepala dah,”

“Siah pula yang dipersalahkan,”

“Kau tau tak Siah yang anak kau ni dah pandai ponteng sekolah. Bukan itu sahaja malah dia dah pandai menipu dengan kita dan berlaku kurang ajar terhadap guru-gurunya di sekolah,”

Ibu terkejut lalu rebah menyujud bumi sambil menekan dadanya yang kesakitan. Aku mengerti. Penyakit ibu datang kembali. Aku segera mengangkat ibuku dan memangkunya keatas ribaku. Ayah terkedu dengan apa yang berlaku. Aku cuba menenangkan ibuku. Beberapa kali aku mengucapkan kata maaf kepada ibuku.

“Kenapa Keon sanggup buat begini terhadap ibu dan ayah? Keon dah tak sayang kami berdua ke? Kenapa Keon? Kenapa? Jawab Keon. Jawab.” Tanya mak Siah kepada Keon.

“Bukan macam tu mak. Keon sebenarnya tak nak pergi sekolah sebab Keon tak suka matematik. Matematiklah punca kekusutan dalam hidup Keon.” Jawab Keon dengan penuh longlai.

“Keon, dengar cakap mak. Suka ke, tak suka ke, Keon tetap kena belajar. Itu tanggungjawab Keon. Mak nak sangat tengok Keon berjaya. Mak nak sangat. Nak sangat-sangat Keon. Keonlah permata hati dan ...” tidak sempat mak Siah menghabiskan kata-katanya, nyawanya telah diambil.

Penciptanya lebih menyayanginya.

Aku tergamam. Aku tidak boleh menerima kenyataan. Aku menjerit sekuat hati.

“Mak jangan tinggalkan Keon mak. Keon sayangkan mak. Mak! Mak!” sambil tubuhnya yang terbujur itu aku riba.

Ayahku seperti hilang arah. Tubuhku turut kaku tetapi masih bernyawa. Ayahku seperti tidak bernyawa lagi. Oleh itu aku mengambil inisiatif lain dengan berlari ke masjid meminta tolong. Selepas waktu Asar ibuku dikebumikan. Kelopak mataku masih digenangi butir-butir kaca yang jernih.

Mulai hari itu aku mula menanam azam untuk meminati subjek matematik. Aku ingin berjaya dalam hidupku. Kata-kata ibu masih terngiang-ngiang di telingaku. Aku mesti berubah.

Ayah? Ayahku kini berada di Hospital Tanjung Rambutan kerana emosi ayah telah terganggu akibat daripada kematian ibuku yang merupakan isteri tersayangannya. Aku kini tinggal bersama ibu saudaraku yang menawarkan diri untuk menjagaku. Aku amat bersyukur kerana masih terdapat orang yang prihatin terhadapku.

Setelah sebulan ibuku meninggalkan aku, aku telah dapat menjalani kehidupanku seperti biasa. Setiap pagi akan pergi akan ke sekolah. Kali aku sudah dapat menumpukan perhatian sepenuhnya. Matematik? Subjek itu seperti biasalah. Aku tidak pernah memahami subjek tersebut walaupun Cikgu Azlan sudah bertungkus-lumus membantuku. Tetapi demi ibuku, aku berusaha dengan belajar sendiri subjek tersebut. Alhamdulillah. Aku mula memahami sedikit demi sedikit.

Tanpa disedari PMR sudah menghampiri diriku. Aku berasa kurang senang kerana subjek masih belum lagi dapat aku kuasai sepenuhnya. Sewaktu PMR berlangsung, aku seperti biasa, semua kertas soalan aku dapat jawab dengan mudah kecuali kertas soalan matematik. Selesai sudah PMR aku hanya bertawakal kepada Allah agar aku dikurniakan keputusan yang memuaskan. Aku telah berusaha sedaya upayaku. Aku redha dengan ketentuan Illahi.

Setelah lama aku bercuti, akhirnya tibalah waktu yang mendebarkan. Jantungku sekali lagi berdegup kencang. Perasaan yang sama aku rasa ketika ingin mengambil keputusan UPSR dulu. Setelah mendapat keputusan PMR, aku tersenyum bangga kerana aku telah memperoleh 7A dan 1B. Gred B itu ialah subjek matematik. Keputusan ini boleh dikira cemerlang berbanding dengan keputusan UPSR yang terdahulu. Aku mempunyai gred A dalam matematik tetapi sekarang aku dapat meningkatkan kefahamanku tentang matematik sehingga memperoleh gred B. Aku berjanji akan melakukan sehabis baik dalam Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Aku mesti bermula dari sekarang.

Sewaktu di menengah atas, aku menjadi lebih keliru. Hal ini kerana subjek matematik telah dipecahkan kepada dua iaitu Matematik Moden dan Matematik Tambahan. Manakala subjek sains pula dipecahkan kepada tiga iaitu Biologi, Kimia, dan Fizik. Tetapi aku tidak kisah. Aku yakin, sekiranya bermula dari sekarang, hal ini tidak akan membebankan diriku. Yang penting adalah usaha. Bak kata pepatah: di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Sewaktu di tingkatan 5 aku masih belum dapat memahami formula Matematik Tambahan dan Matematik Moden. Guruku yang mengajar kelas aku pula terpaksa dipindahkan ke MRSM. Oleh itu sementara menunggu guru baru kami terpaksa belajar sendiri. Masuk bulan kedua, guru baru telah datang untuk menggantikan guru Matematik Tambahanku. Guru tersebut bernama Maisarah tetapi kami lebih selesa memanggilnya Cikgu Mai. Beliau amat menyayangi pelajar lemah sepertiku. Aku amat rapat dengan beliau. Segala kisah silamku, aku ceritakan kepadanya. Beliau amat memahamiku.

Sekarang aku mula memahami Matematik Moden dan Matematik Tambahan. Semua ini hasil bantuan daripada guru kesayanganku iaitu Cikgu Mai dan usahaku sendiri. Kini subjek tersebut ku rasakan seperti sentiasa bersamaku sehinggalah aku terbawa-bawa ke tidur dan bunga harapanku kini mekar kembali.

Sedar tak sedar besok merupakan penentu hidupku. Aku agak berdebar untuk menjawab soalan SPM yang dikemukakan. Pada hari penentu tersebut aku menjawabnya dengan penuh tenang. Setelah lebih kurang sebulan aku menempuh SPM, akhirnya aku berjaya menjawabnya dengan penuh tenang.

Pada bulan Mac 2006, keputusan SPM diumumkan. Aku berasa amat takut sekali. Hatiku berdebar-debar tetapi tenang sedikit berbanding sewaktu mengambil keputusan PMR dan UPSR. Aku mengambil keputusanku dan terus pergi berjumpa dengan Cikgu Mai. Cikgu Mai tertanya-tanya. Mukanya penuh dengan harapan yang tinggi menggunung. Dengan bangganya aku menunjukkan keputusanku kepadanya. Cikgu Mai menjerit dan mengucapkan tahniah tidak berhenti kepadaku atas kejayaanku yang berjaya mendapat 10 1A. Aku tidak menyambut kegembiraan ini seorang diri. Cikgu Mai membawaku pergi berjumpa bapaku di Tanjung Rambutan. Aku tidak tahan melihat bapaku yang sudah uzur dan pendiam. Aku menunjukkan keputusanku kepada ayahku. Cikgu Mai yang menyaksikan kejadian tersebut telah mengeluarkan benih-benih kaca yang jernih daripada kilang air matanya. Kemudian kami bertiga terus pergi ke pusara ibuku. Aku dengan serta merta berlari kearah pusara ibuku lalu duduk dan sujud sambil menangis teresak-esak. Alangkah bagus sekiranya ibuku yang mengharapkan kejayaan dariku dapat bersama-sama meraikan kejayaan ku ini.

“Ibu, Keon dah berjaya. Keon dapat mengharumkan nama keluarga kita serta nama sekolah Keon atas kejayaan ini. Sekiranya ibu masih hidup, Keon pasti, ibu akan mengucapkan tahniah yang tak terhingga kepada Keon. Tetapi semua itu tidak penting bagi Keon kerana segala kejayaan yang Keon capai adalah berpunca daripada kata-kata ibu yang telah membakar semangat Keon untuk berjaya. Ibulah segala-galanya. Ibu telah berjaya mendidik anak ibu yang nakal ini sehingga berjaya sekarang. Keon akan sentiasa mengenang jasa ibu dan menempatkan ibu dalam hati Keon selama-lamanya.”

Mulai hari itu, aku berjanji akan menjadi seorang pendidik. Aku ingin mendidik anak bangsa supaya apa yang telah terjadi kepadaku tidak berulang lagi. Selain itu aku juga ingin mereka tahu bahawa betapa pentingnya matematik dalam hidup ini. Aku berharap agar dunia ini akan berlakunya satu transformasi hasil daripada generasi yang celik ilmu hisab atau sekarang dipanggil ilmu matematik.